

INSIDEN BULI DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH: IMPLIKASI KEPADA PENGURUSAN SEKOLAH

oleh:

DATIN NORAN FAUZIAH YAAKUB, Ph. D

Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjung Malim, Perak

ABSTRAK

Tinjauan literatur tentang buli menunjukkan terdapat dua tingkah laku buli – iaitu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tingkah laku buli di sekolah merupakan satu masalah global yang tidak sihat bagi iklim sekolah secara umum, dan juga kepada hak pelajar untuk belajar dalam persekitaran selamat tanpa apa-apa perasaan takut. Kajian yang dibuat di luar negara tentang gejala ini telah menunjukkan kesan negatif akibat daripada tingkah laku buli – bukan sahaja kepada mangsa buli tetapi juga kepada pembuli sendiri.

Kertas ini melaporkan sebahagian daripada dapatan kajian yang telah dijalankan ke atas 2600 pelajar dari 25 buah sekolah menengah di Kedah dan Perlis. Objektif umum kajian ialah untuk mendapat gambaran tentang insiden tingkah laku buli di kalangan pelajar-pelajar tersebut. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat tentang tindakan yang telah diambil oleh pihak sekolah untuk menangani tingkah laku berkenaan.

Dapatan kajian menunjukkan insiden buli adalah tinggi. Dapatan kajian mempunyai beberapa implikasi kepada pengurusan sekolah tentang bagaimana hendak menangani masalah tersebut.

PENGENALAN

Terdapat beberapa definisi yang telah diberikan tentang konsep buli. Satu definisi yang telah diberikan oleh Hazler & Hoover (1993) ialah, buli merupakan tingkah laku agresif di mana seorang pelajar atau satu kumpulan pelajar mengganggu seorang mangsa secara fizikal atau psikologi, buat satu jangka masa yang panjang. Penyelidik tentang gejala ini seterusnya menyatakan tingkah laku agresif tersebut termasuklah tingkah laku langsung seperti mengugut, mengancam, memukul, dan mencuri yang dimulakan oleh seorang atau lebih pelajar terhadap seorang mangsa. Ia juga boleh berlaku dalam bentuk tingkah laku tidak langsung seperti menyebabkan seseorang pelajar disisihkan atau dipulaukan (Banks, 1997).

Sama ada tingkah laku buli itu berlaku secara langsung atau tidak langsung, ciri penting tentang buli ialah ugutan berlaku secara berterusan, mewujudkan satu pola gangguan fizikal dan psikologi

¹ Kertas yang dibentangkan di Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, anjuran Institut Aminuddin Baki, 16-19 Disember, 2002, Hotel Pan Pacific, KLIA Sepang
Kertas yang dibentangkan di Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, anjuran Institut Aminuddin Baki, 16-19 Disember, 2002, Hotel Pan Pacific, KLIA Sepang

(Batsche & Knoff, 1994; Olweus, 1993). Tingkah laku menindas ini dilakukan sama ada oleh seorang atau satu kumpulan dominan, dan konsep ini berbeza daripada konsep konflik, keganasan atau tidak persetujuan, walaupun ia boleh merangkumi semua bentuk tingkah laku tersebut. Konsep buli mencadangkan ketidakseimbangan kuasa yang menyebabkan tindakan buruk yang diterima oleh mangsa menyebabkan mereka sengsara dan takut (Olweus, 1991; Rigby, 1996).

Percubaan untuk mengira insiden buli telah menghasilkan beberapa keputusan yang berbeza-beza (Olweus 1978; Whitney dan Smith 1993). Kajian-kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik di atas meletakkan insiden buli di sekolah adalah di antara 10 hingga 27 peratus. Jenis-jenis tingkah laku buli dalam tinjauan ini memberi fokus kepada perlakuan nyata, fizikal atau sebaliknya, yang boleh diperhatikan dan dikesan. Akan tetapi, tingkah laku buli juga terdapat dalam bentuk yang kurang ketara, yang agak sukar untuk dikesan, dan bentuk-bentuk inilah yang didapati lebih banyak berlaku di sekolah.

Tinjauan literatur menunjukkan jenis-jenis buli yang berbeza mengikut negara. Di Amerika Syarikat misalnya, bentuk buli yang paling banyak berlaku ialah buli bahasa (Hoover, Oliver dan Thompson, 1993). Di Itali pula, kanak-kanak sekolah telah didapati sering memanggil rakan-rakan lain dengan nama ejekan, selain daripada berlakunya buli fizikal dan peras ugut (Genta, Menesini, Fonzi, Costabile dan Smith, 1996). Memanggil rakan dengan nama buruk merupakan bentuk buli yang paling banyak berlaku di Kanada (Bentley & Li 1995). Laporan dari negara-negara lain seperti Norway, England, dan Australia menunjukkan gangguan bahasa seperti ejekan dan memanggil nama, yang paling banyak berlaku.

Pengalaman kena buli didapati sama sahaja oleh pelajar lelaki dan perempuan. Buli fizikal didapati berkurangan mengikut umur, akan tetapi gangguan bentuk bahasa tidak menunjukkan banyak perubahan. Walaupun pelajar lelaki dan perempuan sama-sama kena buli bentuk bahasa, tetapi pelajar lelaki lebih banyak terlibat dengan buli fizikal. Sebaliknya pula, pelajar perempuan lebih banyak terlibat dengan buli psikologi.

Tujuan kertas ini ialah untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Sejauhmanakah berlakunya insiden buli, langsung dan tidak langsung di sekolah-sekolah terpilih di Kedah dan Perlis?
2. Terdapatkah perbezaan bentuk buli mengikut jantina, tingkatan dan sekolah?
3. Lazimnya, di manakah berlakunya insiden buli?
4. Apakah perasaan pembuli dan mangsa?
5. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak sekolah untuk menangani tingkah laku berkenaan?

METOD

SUBJEK

Sebanyak 2,600 pelajar tingkatan satu, dua, tiga, dan empat dari 25 buah sekolah menengah Kedah dan Perlis (20 dari Kedah dan 5 dari Perlis) menjadi responden untuk fasa pertama kajian. Pecahan sekolah menunjukkan sebanyak 18 buah sekolah menengah harian biasa dari empat daerah di Kedah, iaitu Kubang Pasu, Kota Setar, Yan, dan Kuala Muda, dan dua buah sekolah asrama penuh. Selain itu, empat buah sekolah menengah biasa dan sebuah sekolah asrama penuh

dari Perlis dipilih untuk mengambil bahagian dalam kajian.

Bagi fasa kedua kajian, tiga orang responden dipilih dari setiap sekolah, iaitu pengetua, guru disiplin, dan pengerusi persatuan ibu bapa dan guru. Berdasarkan kepada 25 sekolah yang dipilih, maka jumlah responden bagi fasa kedua adalah sebanyak 75 orang.

INSTRUMEN

Instrumen yang diberikan kepada responden pelajar terdiri daripada 18 item bagi mengukur insiden tingkah laku buli, seperti yang dilaporkan oleh mereka. Terdapat enam item bagi buli psikologi ($\alpha = 0.80$), lima item tentang buli fizikal ($\alpha = 0.79$); empat item tentang mangsa buli psikologi ($\alpha = 0.79$) dan tiga item mengenai mangsa buli fizikal ($\alpha = 0.60$). Mereka diminta menjawab sama ada mereka tidak pernah menjadi pembuli atau mangsa buli, atau pun tingkah laku tersebut berlaku "satu atau dua kali," "tiga atau empat kali," dan "lebih daripada lima kali," dalam tempoh empat minggu mereka menjawab soalselidik. Selain itu, terdapat beberapa item untuk mendapat maklumat latar belakang responden, seperti jantina, tingkatan dan nama sekolah. Terdapat juga soalan tentang di mana buli berlaku, siapakah pembuli dan apakah kesan menjadi mangsa buli.

Responden pengetua, guru disiplin dan pengerusi persatuan ibu bapa dan guru menjawab enam soalan terbuka yang berkaitan dengan konsep buli, kekerapan berlakunya insiden buli di sekolah masing-masing dalam tempoh 12 bulan kajian ini dijalankan, bentuk buli yang berlaku, jenis pelajar yang terlibat, ciri-ciri mangsa dan bagaimana pula sekolah menangani masalah tersebut. Untuk tujuan kertas kerja ini, dapatan daripada soalan terakhir yang akan dilaporkan.

PROSEDUR

Kerja lapangan bagi 25 sekolah terpilih adalah dari bulan April hingga Julai 2001. Responden pelajar mengambil selama 30 minit untuk menjawab soalselidik. Bagi responden pengetua, guru disiplin dan pengerusi persatuan ibu bapa dan guru, mereka diberikan masa untuk menjawab enam soalan terbuka dan memulangkannya melalui pos kepada penyelidik.

DAPATAN

Responden lelaki adalah sebanyak 52.4% dan responden perempuan 47.5%. Peratusan pelajar tingkatan dua dan empat adalah agak sama. Akan tetapi, terdapat juga sekolah yang mengedarkan soalselidik kepada pelajar tingkatan satu dan tiga.

Soalan 1: Sejauhmanakah berlakunya insiden buli, langsung dan tidak langsung di sekolah-sekolah terpilih di Kedah dan Perlis?

Keputusan kajian menunjukkan kira-kira 80 peratus daripada responden mengakui terlibat dengan tingkah laku buli tidak langsung atau psikologi, seperti memanggil nama, bercakap tentang orang lain supaya diketawakan, dan mengejek. Panggilan nama merupakan tingkah laku yang paling kerap berlaku, di mana lebih daripada satu-pertiga mengakui melakukannya lebih dari lima kali dalam tempoh empat minggu yang lampau. Bercakap tentang pelajar lain supaya diketawakan berlaku kadang kala. Mengganggu pelajar lain kerana seronok-seronok tidak begitu kerap berlaku.

Apabila skor komposit dikira bagi kesemua enam item, didapati hanya sebilangan kecil sahaja pelajar (4.2%) yang tidak pernah terlibat dengan apa-apa bentuk buli tidak langsung. Berdasarkan prosedur pemberian skor, didapati lebih separuh daripada responden (56.1%) terlibat dengan tingkah laku ini sekali atau dua kali. Sebanyak 33.4% mengakui melakukannya tiga atau empat

kali dan 6.3% melaporkan mereka melakukannya dengan lebih kerap, iaitu lebih dari 5 kali dalam tempoh empat minggu.

Berbanding dengan tingkah laku buli tidak langsung, insiden buli langsung atau fizikal adalah lebih rendah. Akan tetapi, daripada lima bentuk tingkah laku buli fizikal, responden didapati lebih banyak terlibat dengan menolak, memukul dan menempeleng. Berdasarkan kepada skor komposit, sebanyak 42.4% pernah terlibat dengan buli fizikal. Lebih daripada satu pertiga (36.3%) mengakuinya melakukannya “sekali” atau “dua kali” dalam masa empat minggu yang lalu. Skor min bagi buli fizikal mencadangkan ia berlaku sekali sekala.

MANGSA BULI

Panggilan nama merupakan bentuk buli tak langsung, diikuti dengan ejekan. Berdasarkan skor komposit bagi keempat item yang mengukur mangsa buli tidak langsung, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden (92.7%) pernah menjadi mangsa. Sebanyak 46.3% pernah menjadi mangsa buli psikologi “sekali atau dua kali,” 29.9% “tiga atau empat kali,” dan 16.5% “lebih dari lima kali.” Skor min bagi mangsa buli tidak langsung mencadangkan ia termasuk dalam kategori kerap.

Insiden menjadi mangsa buli fizikal seperti yang dilaporkan oleh responden adalah lebih rendah berbanding menjadi mangsa tidak langsung. Sebanyak 55.3% daripada responden mengatakan mereka akan lawan balik jika pelajar lain pukul mereka dahulu. Ini boleh ditafsirkan sebagai tindakan mempertahankan diri oleh mangsa.

Keputusan skor komposit menunjukkan sebanyak hampir dua-pertiga daripada responden (64.1%) pernah menjadi sasaran buli. Sebanyak 54.1% pernah menjadi mangsa buli “sekali atau dua kali,” 8.8% “tiga atau empat kali,” dan 1.3% “lebih dari lima kali.” Skor min bagi buli langsung menunjukkan ia termasuk dalam kategori buli sekali sekala, iaitu “sekali atau dua kali.”

Soalan 2: Terdapatkah perbezaan bentuk buli mengikut jantina, tingkatan dan sekolah?

Keputusan ujian-t bagi kedua jenis buli dan mangsa buli menunjukkan perbezaan signifikan mengikut jantina (Jadual 1). Lebih banyak pelajar lelaki yang terlibat dengan buli secara langsung dan tidak langsung, selain daripada menjadi mangsa bagi kedua jenis buli.

Jadual 1: Ujian-t bagi Buli dan Mangsa Buli mengikut Jantina

Jenis Buli	Jantina	N	Min	SD	t	Sig.
Buli Psikologi	Lelaki	1356	6.95	3.82	14.68	.00
	Perempuan	1226	4.84	3.46		
Buli Fizikal	Lelaki	1356	1.67	2.09	19.31	.00
	Perempuan	1226	0.39	1.01		
Mangsa Buli Psikologi	Lelaki	1356	5.35	3.18	10.05	.00
	Perempuan	1226	4.12	2.99		
Mangsa Buli Fizikal	Lelaki	1356	2.35	2.27	18.82	.00
	Perempuan	1226	0.93	1.43		

BULI DAN TINGKATAN

Keputusan ANOVA menunjukkan kedua-dua bentuk buli dan mangsa buli adalah berbeza mengikut tingkatan (Jadual 2).

Jadual 2: ANOVA bagi buli mengikut Tingkatan

		Sum of Squares	df	Mean Squares	F	Sig.
BULIFIZ	Antara Kumpulan	134.86	3	44.95	3.10	.00
	Dalam Kumpulan	37253.35	2574	14.47		
BULIPSI	Antara Kumpulan	79.05	3	26.35	8.27	.00
	Dalam Kumpulan	8197.24	2574	3.18		
VICPSI	Antara Kumpulan	702.14	3	234.04	24.10	.00
	Dalam Kumpulan	24958.83	2571	9.70		
VICFIZ	Antara Kumpulan	130.96	3	43.65	10.54	.00
	Dalam Kumpulan	10646.66	2572	4.13		

BULI DAN SEKOLAH

Sekolah harian biasa yang dipilih untuk kajian ini telah dikenal pasti terlebih dahulu sebagai sekolah yang kurang risiko dan tinggi risiko dari segi masalah disiplin. Kriteria penentuan kategori ini adalah berdasarkan kepada maklumat dari kedua-dua Jabatan Pendidikan Negeri. Oleh itu, terdapat 11 sekolah harian biasa yang berisiko dan 11 lagi tidak berisiko. Ketiga-tiga sekolah asrama penuh dalam kajian ini dikategorikan sebagai tidak berisiko, menjadikan sekolah tidak berisiko sebanyak 14 buah kesemuanya.

Seperti yang dapat dilihat dari Jadual 3, kesemua ujian-t tersebut memberi keputusan yang signifikan. Sekolah tidak berisiko didapati mempunyai skor min buli psikologi yang lebih tinggi, dan pelajar dari sekolah tidak berisiko juga mempunyai skor min yang lebih tinggi bagi mangsa psikologi. Sebaliknya pula, skor min fizikal dan mangsa fizikal adalah lebih tinggi dari sekolah berisiko.

Jadual 3: Perbandingan Tingkah Laku Buli dan Sekolah

Group Statistics

	SEKOLAH	N	Mean	Std.Deviation	t
BULIPSI	risiko	1062	5.5621	3.62099	sig. = .00
	takrisiko	1523	6.2206	3.91045	-4.34000
BULIFIZ	risiko	1062	2.3983	2.96230	sig. = .00
	takrisiko	1522	1.9639	2.65221	3.90300
VICPSI	risiko	1060	4.6179	3.08737	sig. = .05
	takrisiko	1522	4.8666	3.20194	-1.97000
VICFIZ	risiko	1062	.8691	1.23749	sig. = .00
	takrisiko	1523	.7006	1.15815	3.53800

Analisis selanjutnya ialah membandingkan buli dan mangsa buli bagi sekolah harian biasa dan sekolah berasrama penuh. Keputusan kajian menunjukkan perbezaan signifikan bagi buli psikologi dan mangsa buli psikologi bagi kedua kategori sekolah, di mana skor min sekolah

asrama penuh adalah lebih tinggi dari skor min sekolah harian biasa (Jadual 4). Sebaliknya pula, skor min buli fizikal di sekolah harian biasa adalah lebih tinggi dan signifikan daripada sekolah asrama penuh. Akan tetapi, tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi skor min mangsa buli fizikal.

Jadual 4: Perbandingan Tingkah Laku Buli mengikut Jenis Sekolah
Group Statistics

KATEGSEK		N	Mean	Std.Deviation	t
BULIPSI	harian	2176	5.6540	3.69494	sig. = .00
	asrama	293	7.5631	4.15953	-8.18
BULIFIZ	harian	2175	2.2294	2.83837	sig. = .05
	asrama	293	1.8635	2.68974	2.08000
VICPSI	harian	2173	4.5633	3.06247	sig. = .00
	asrama	293	6.0341	3.51399	-7.57600
VICFIZ	harian	2176	.7872	1.18234	sig. = .90
	asrama	293	.7782	1.30932	.11300

PEMBULI-MANGSA BULI

Adalah menarik untuk mendapat gambaran sama ada mereka yang terlibat dengan buli, langsung atau tak langsung, juga merupakan mangsa buli. Keputusan korelasi bagi empat pembolehubah ini (buli langsung dan tak langsung, dan mangsa buli langsung dan tak langsung) menunjukkan beberapa dapatan menarik. Korelasi Spearman bagi buli tak langsung mempunyai korelasi tinggi dengan mangsa buli tak langsung ($r = 0.51$), mencadangkan pelajar yang terlibat dengan buli tak langsung juga merupakan mangsa buli tak langsung. Selain itu, keputusan analisis korelasi bagi buli tak langsung dan buli langsung memberi nilai $r = 0.50$, mencadangkan mereka yang terlibat dengan buli tak langsung juga terlibat dengan buli langsung. Keputusan korelasi Spearman bagi buli tak langsung dengan mangsa buli langsung memberi nilai $r = 0.29$, mencadangkan perhubungan positif tetapi lemah antara mereka yang terlibat dengan buli tak langsung juga menjadi mangsa buli langsung.

Pelajar yang membuli pelajar lain secara langsung bukan sahaja merupakan orang yang sama yang membuli pelajar lain secara tak langsung, tetapi juga merupakan mangsa buli secara langsung ($r = 0.43$). Selain itu, terdapat perhubungan signifikan antara buli langsung dan mangsa buli tak langsung ($r = 0.28$). Akhir sekali, mangsa buli langsung juga merupakan orang yang sama yang menjadi mangsa buli langsung ($r = 0.44$) (Jadual 5).

Jadual 5: Korelasi antara Buli dan Mangsa Buli

		BULIPSI	BULIFIZ	VICPSI	VICFIZ
BULIPSI	Pearson Correl.	1.00	.50**	.51**	.29**
	Sig. (2-tailed)		.00	.00	.00
	N	2585	2583	2583	2583
BULIFIZ	Pearson Correl.	.50**	1.00	.28**	.43**
	Sig. (2-tailed)	.00		.00	.00
	N	2585	2583	2583	2583
MANGPSI	Pearson Correl.	.51**	.28**	1.00	.44**
	Sig. (2-tailed)	.00	.00		.00
	N	2585	2583	2583	2583
MANGFIZ	Pearson Correl.	.29**	.43**	.44**	1.00
	Sig. (2-tailed)	.00		.00	.00
	N	2585	2583	2583	2583

Soalan 3: Di manakah berlakunya insiden buli?

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan insiden buli berlaku dalam bilik darjah itu sendiri, diikuti dengan pergi balik dari dan balik dari rumah ke sekolah, dan di koridor sekolah. Jadual 6 menunjukkan di mana buli berlaku.

Jadual 6: Tempat di Mana Buli Berlaku

Tempat	Peratusan
1. Dalam bilik darjah	48.00
2. Antara rumah dan sekolah	30.00
3. Koridor sekolah	15.20
4. Kantin sekolah	11.60
5. Perhimpunan sekolah	10.70
6. Makmal sains	7.60
7. Padang sekolah	7.40
8. Tandas sekolah	4.80
9. Perpustakaan sekolah	3.30
10. Makmal komputer	2.10

Pelajar juga melaporkan semasa di sekolah, separuh daripada mereka (50.10%) dibuli oleh pelajar lelaki, peratusan kecil (7.70%) oleh pelajar perempuan dan kira-kira satu perempat (27.70%) oleh kedua-dua pelajar lelaki dan perempuan. Senario yang sama juga berlaku di kawasan luar sekolah.

Kira-kira satu-perempat (24.90%) responden mengakui selalu merasa takut tentang keselamatan mereka dalam perjalanan dari rumah ke sekolah, sementara satu pertiga (29.80%) tidak merasa takut. Dari segi perasaan selamat semasa berada di sekolah, satu pertiga (32.10%) mengatakan

mereka merasa selamat, tetapi 18.30% melaporkan sentiasa rungsing tentang keselamatan mereka, sementara 50% merasa risau tentang keselamatan mereka sekali sekala.

Soalan 4: Apakah perasaan pembuli dan mangsa?

Untuk menjawab soalan ini, pelajar diminta menyatakan perasaan mereka apabila dibuli secara langsung atau tak langsung. Keputusan kajian menunjukkan sebahagian besar daripada responden (73.60%) merasa marah, satu pertiga (34.10%) merasa malu, satu per empat (24.80%) merasa takut, 19.10% merasa sedih dan 16.40% merasa tak berdaya. Seperti yang dapat dilihat daripada dapatan ini, kesan dibuli mempunyai impak negatif ke atas mangsa.

Soalan 5: Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak sekolah untuk menangani tingkah laku berkenaan?

Terdapat kepelbagaian jawapan yang diterima daripada pengetua, guru disiplin dan pengerusi persatuan ibu bapa dan guru tentang insiden buli di sekolah masing-masing dalam tempoh 12 bulan kajian ini dijalankan. Kes yang paling banyak dilaporkan ialah 30. Sebanyak 13 responden mengatakan mereka tidak mengetahui tentang berlakunya kes buli di sekolah mereka. Kes-kes buli ini boleh dilihat dalam Jadual 7

Jadual 7: Kes Buli yang Dilapor dalam Tempoh 12 Bulan yang Lalu

Bilangan Kes	Bilangan Responden
1	1
2 atau 3	2
3 atau 4	2
4 atau 5	1
5	2
8	2
9 atau 10	2
20	1
Kira-kira 30	1
Kadang-kadang	3
Sedikit	1
Tak Pasti	3
Tiada	13
Jumlah	36

Berdasarkan jawapan yang diterima oleh pihak sekolah, terdapat langkah-langkah yang berlainan yang diambil oleh mereka untuk menangani buli di sekolah masing-masing. Terdapat dua pendekatan yang diambil, satu bentuk positif dan yang lagi satu bentuk negatif. Kaedah positif dan paling banyak diambil oleh pihak pentadbiran sekolah adalah memberikan kaunseling, nasihat atau memotivasikan pembuli supaya jangan melakukannya lagi. Ibu bapa pembuli juga dipanggil ke sekolah untuk berbincang tentang tingkah laku mereka. Terdapat juga sekolah yang memperkenalkan sistem mentor-mentee di kalangan pelajar, di mana setiap pelajar baru akan diberikan seorang mentor untuk menjaganya.

Sekolah menggunakan berbagai bentuk hukuman untuk mendisiplin pembuli. Hukuman yang paling banyak dikenakan ialah memberi amaran apabila ditangkap membuli. Bentuk hukuman kedua ialah merotan, sama ada di bilik pengetua atau semasa perhimpunan sekolah. Bentuk hukuman lain ialah memantau tingkah laku pembuli atau menukarkan mereka ke sekolah lain.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan insiden buli, sama ada fizikal atau psikologi adalah tinggi. Akan tetapi, insiden buli psikologi adalah lebih banyak daripada buli fizikal. Dapatan kajian ini adalah berbeza daripada apa yang dilaporkan oleh penyelidik dari negara lain, di mana kadar buli adalah dalam lingkungan 15%. Sekiranya insiden buli sebanyak 15% dianggap tinggi mengikut piawaian dunia, maka dapatan kajian ini bukanlah satu perkara yang membanggakan.

Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar lelaki yang lebih banyak terlibat dengan tingkah laku buli dan mereka juga merupakan orang yang lebih cenderung untuk menjadi mangsa buli. Kadar membuli kelihatan menurun mengikut umur, di mana pelajar tingkatan empat melaporkan kurang terlibat atau kena buli. Kedua-dua dapatan ini adalah sama dengan apa yang dilaporkan dalam kajian lain di luar negara.

Sekolah asrama penuh dalam kajian ini didapati mempunyai insiden buli psikologi dan mangsa buli psikologi yang lebih tinggi daripada sekolah harian biasa. Akan tetapi, peristiwa buli fizikal adalah lebih banyak berlaku di sekolah harian biasa.

Bilik darjah merupakan tempat yang paling banyak berlaku tingkah laku buli. Dapatan ini agak merungsingkan kerana bilik darjah tidak merupakan tempat selamat bagi pelajar. Tingkah laku negatif ini mungkin berlaku sebelum guru masuk ke kelas atau semasa pertukaran jadual waktu. Perjalanan antara rumah dan sekolah juga nampaknya tidak selamat. Tempat-tempat lain di sekolah juga menyaksikan kegiatan membuli.

Seperti dijangka, kesan buli ke atas pelajar adalah negatif. Mangsa buli merasa marah, malu, takut, sedih dan tidak bermaya. Kesemua kesan negatif ini sudah pasti akan menjejaskan kesejahteraan psikologi atau emosi pelajar. Persekitaran fizikal, sosial dan emosi yang ada di sekeliling pelajar ini hendaklah memberangsangkan supaya mereka merasa selamat, merasa bangga dengan diri masing-masing dan yakin dengan apa yang mereka lakukan. Kajian telah menunjukkan kedua-dua pembuli dan mangsa buli membesar menjadi orang dewasa yang bermasalah.

Sekolah yang mengakui berlakunya insiden buli di sekolah masing-masing mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini. Kebanyakan tindakan yang diambil adalah positif. Akan tetapi, terdapat juga tindakan menghukum, seperti merotan atau menukar pembuli ke sekolah lain, yang mungkin tidak menyelesaikan masalah sepenuhnya. Enam buah sekolah yang mengatakan tidak ada insiden buli di sekolah mereka, tidak mengambil apa-apa langkah pencegahan untuk menghalang berlakunya peristiwa buli.

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa implikasi kepada pengurusan sekolah tentang bagaimana hendak menangani dan mencegah berlakunya peristiwa buli. Oleh kerana bilik darjah merupakan tempat di mana buli paling banyak berlaku, maka implikasinya terletak di tangan guru sendiri. Ia berkaitan dengan pengurusan pengajaran dan pembelajaran. Misalnya, keputusan kajian telah menunjukkan banyak faedah yang diperolehi daripada pembelajaran koperatif, bukan sahaja dari segi peningkatan akademik tetapi juga dari segi perhubungan sosial seperti lebih berempati dan lebih kemahiran sosial (Rigby, Cox & Black, 1997). Oleh itu, guru-guru perlu diberikan kursus

dalam perkhidmatan tentang pembelajaran koperatif, yang boleh dilaksanakan dalam bilik darjah. Umum mengetahui bahawa guru lebih banyak mengguna kaedah tradisional dalam pengajaran mereka.

Kedua, guru juga boleh diberikan kursus tentang bagaimana hendak mengenal pasti tanda-tanda buli atau mangsa buli. Tinjauan literatur menunjukkan antara tingkah laku yang ditunjukkan oleh mangsa ialah selalu berdiam diri dan tidak ada kawan. Analisis sosiometri tentang pemilihan kawan dalam kelas yang pelajar mahu membuat kerja bersama-sama, akan memberi maklumat penting tentang perhubungan inter-personal di kalangan pelajar. Selain daripada boleh mengenal pasti petanda sebagai mangsa buli, guru juga perlu diberikan kemahiran tentang bagaimana hendak mengatasi masalah ini. Selain itu, guru perlu bersikap terbuka dan mempunyai *rapport* dengan pelajar mereka supaya mangsa buli akan dengan suka rela melaporkan insiden buli kepada guru.

Oleh kerana insiden buli juga berlaku di tempat lain di kawasan sekolah dan juga di luar sekolah, maka implikasinya di sini ialah sekolah perlu mengadakan satu program intervensi. Program seperti ini boleh melibatkan beberapa pihak – ibu bapa, komuniti sekeliling, universiti berhampiran, pejabat pendidikan daerah dan negeri, dan juga sekolah. Program intervensi anti-buli yang dilaksanakan di Finland misalnya, telah terbukti berjaya mengurangkan masalah buli, terutama sekali di peringkat sekolah rendah (Stevens, De Bourdeauhuij dan Van Oost, 2000). Oleh kerana insiden buli lebih banyak berlaku di peringkat menengah rendah, maka adalah dirasakan perlu bagi sekolah memperkenalkan program intervensi di kalangan murid tingkatan satu lagi.

Implikasi seterusnya kepada dapatan kajian ini berkaitan dengan ibu bapa, di mana sekolah boleh mengadakan bengkel program intervensi tentang bagaimana ibu bapa dan guru boleh menangani kes-kes buli dan mangsa buli. Program yang paling terkenal di luar negara ialah program intervensi yang dikendalikan oleh Daniel Olweus di Norway. Program ini melibatkan guru, pentadbir sekolah, dan ibu bapa. Sebuah buku panduan 32 halaman diedarkan kepada semua sekolah di Norway oleh Olweus. Menurut beliau, terdapat empat perkara utama untuk menjayakan program ini: (1) mewujudkan persekitaran sekolah yang mesra, positif, dan melibatkan orang dewasa; (2) menetapkan tingkah laku yang tidak diterima di sekolah; (3) sentiasa mengawas dan menghukum pembuli; dan (4) mengguna orang dewasa sebagai tokoh autoriti.

Mengikut program Olweus, orang dewasa, iaitu guru sentiasa memantau kanak-kanak semasa waktu rehat dan menguatkuasakan peraturan yang telah ditetapkan. Pelajar agresif didenda secara bukan fizikal. Ganjaran dan pujian juga merupakan sebahagian daripada program ini. Ibu bapa digalakkan mengajar anak mereka supaya mempunyai dan mengekalkan persahabatan. Walaupun Olweus mempercayai rakan sebaya boleh memainkan peranan penting untuk mencegah insiden buli, beliau merasakan tanggung jawab utama untuk berhadapan dengan buli ialah orang dewasa di sekolah, iaitu guru dan pentadbir sekolah.

Satu penilaian telah dibuat ke atas program intervensi Olweus di Bergen, Norway. Setelah dilaksanakan selama 20 bulan, bilangan pelajar yang menjadi mangsa buli turun sebanyak 50 peratus. Selain itu, terdapat juga pengurangan tingkah laku anti-sosial yang lain, seperti vandalisme, mencuri, dan ponteng sekolah.

Seorang penyelidik lain, Greenbaum (1987) telah mengemukakan model beliau tentang bagaimana hendak mengatasi insiden buli. Beliau telah menyenaraikan dan membincangkan sepuluh strategi intervensi yang boleh diguna oleh sekolah. Pertama, sekolah hendaklah menentukan masalah buli wujud di sekolah dan ini boleh dilakukan melalui penggunaan soal selidik. Kedua, sekolah perlu berkomunikasi dengan jelas tentang tingkah laku yang diterima dan

tidak diterima, dan menguatkuasakannya secara konsisten. Ketiga, guru hendaklah sentiasa memantau pelajar di kantin dan juga padang semasa waktu rehat. Keempat, sekolah perlu mewujudkan satu sistem untuk merekod insiden buli. Memberi peluang kepada pelajar membincang tentang insiden buli adalah strategi kelima. Keenam, guru hendaklah sentiasa dapat mengenal pasti tingkah laku agresif dan kasar. Strategi ketujuh ialah menghubungi ibu bapa mangsa dan pembuli apabila masalah timbul. Kelapan, sekolah hendaklah mewujudkan program intervensi buli. Kesembilan, ibu bapa digalakkan mengambil bahagian dalam program intervensi tersebut. Akhir sekali, sekolah perlu mewujudkan sistem sokongan dan perlindungan kepada mangsa buli.

Sebagai kesimpulan, insiden buli bukan sahaja penting dari segi memastikan kesejahteraan pelajar terjamin, tetapi juga bagaimana pihak lain boleh membantu mengurangkan dan membasmi masalah tersebut. Sekiranya gejala ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya, ia sudah pasti melimpah kepada masyarakat. Kita sebagai orang dewasa hendaklah mengakui bahawa buli tidak semestinya menjadi sebahagian daripada pengalaman seorang pelajar. Ia tidak seharusnya menjadi sebahagian daripada proses membesar, atau *rites of passage*. Dengan kerja bersama-sama, sekolah dan ibu bapa boleh menjadikan pengalaman bersekolah itu seronok, dan bukannya sesuatu yang ditakuti.

RUJUKAN

- Banks, R. (1997). Bullying in Schools. ERIC Digest. <http://www.ericps.ed.uiuc.edu/eece/pubs/digests/1997/banks97.html> (27th May 2001).
- Batsche, G.M. & Knoff, H.M. (1994). Bullies and their victims: understanding a pervasive problem in the schools. *School Psychology Review*, 23(2): 165-174.
- Bentley, K.M. & Li, A. (1995). Bully and victim problems in elementary schools and students' belief about aggression. *Canadian Journal of School Psychology*, 11: 153-165.
- Genta, N.G., Fonzi, A., Costabile, A., dan Smith, P.K. (1996). Bullies and victims in schools in central and southern Italy. *European Journal of Psychology of Education*, 11(1): 97-110.
- Greenbaum, S. (1987). What we can do about schoolyard bullying? *Principal*, 21-24.
- Hazler, R. & Hoover, J.H. (1993). What do kids say about bullying? *Educational Digest*, 58(7): 16-21.
- Hoover, J.H., Oliver, R.L., dan Thompson, K.A. (1993). Perceived victimization by school bullies: New research and future direction. Dalam Bidwell, N.M., (1997). *The Nature and Prevalence of Bullying in Elementary Schools*. SSTA Research Centre Report.
- Olweus, D. (1978). *Aggression in Schools: Bullies and Whipping Boys*. New York: Wiley.
- Olweus, D. (1991). Bully/victim problem among school children: Basic facts and effects of a school-based intervention program. Dalam Pepler, D.J. & Rubin, K.H. (Eds.) *The Development and Treatment of Childhood Aggression* (pp. 411-488). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Olweus, D. (1993). *Bullying at School: What We Know and What We Can Do*. Oxford: Blackwell.
- Rigby, K. (1996). What children tell us about bullying in schools. <http://www.yrbe.edu.on.ca/~safesch/bullying.htm> (27 Mei 2001)
- Rigby, K., Cox, J. dan Black, I.G. (1997). Cooperativeness and bully/victim problems among Australian schoolchildren. *The Journal of Social Psychology*, 357-368.

- Stevens, V., De Bourdeauhuij, I. dan Van Oost, P. (2000). Bullying in Flemish schools: An evaluation of anti-bullying intervention in primary and secondary schools, *The British Journal of Educational Psychology*, 195-208.
- Whitney, I. dan Smith, P.K. (1993). A survey of the nature and extent of bullying in junior/middle and secondary schools. *Educational Research*, 35: 3-25.

